

# Mahathir mahu langkah berkesan kenang Seniman Agung P. Ramlee

JM 17 JUN 1983

KUALA LUMPUR, 16 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat bahawa langkah yang benar-benar berkesan perlu diambil bagi memperingati jasa Allahyarham P. Ramlee sebagai seniman teragung tanahair.

Perdana Menteri berpendapat Allahyarham benar-benar seorang seniman rakyat kerana walaupun telah meninggal dunia 10 tahun lalu, Allahyarham masih terus diingati oleh semua generasi, yang tua dan muda.

Utusan Malaysia difahamkan Perdana Menteri kenal secara peribadi dengan Allahyarham dan tahu bahawa Allahyarham adalah seorang yang rajin dan dedikasi terhadap kerjanya.

Allahyarham P. Ramlee meninggal dunia secara mengejut pada 29 Mei 1973 dalam usia 44 tahun akibat diserang penyakit jantung, di rumahnya di Setapak, di sini.

Seluruh negara merasakan kehilangannya bila berita kematiannya diketahui dan berbagai rancangan dirancang seba-

gai mengenang jasa-jasa Allahyarham.

Sebuah jawatankuasa khas mengenang jasa Allahyarham ditubuhkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tidak lama selepas kematiannya tetapi jawatankuasa itu dibubarkan empat tahun kemudian.

Menurut penolong pengarah kementerian berkenaan di masa itu, Encik Abdullah Nawati, pihak kementerian dinasihatkan oleh Jabatan Peguam Negara dan Perbendaharaan supaya tidak menubuhkan sebuah badan lain yang fungsinya sama dengan Tabung Amanah Kebudayaan.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan di masa itu, Datuk Samad Idris (sekarang Tan Sri)

sempat mengadakan beberapa mesyuarat pada 25 Jun 1973 dan membuat beberapa cadangan termasuk membina makam Allahyarham dan menubuhkan Yayasan P. Ramlee.

Bagaimanapun sehingga hari ini belum ada satupun rancangan konkret dibuat oleh pihak

kerajaan bagi mengenang jasa-jasa Allahyarham sebagai seniman teragung tanahair.

Sementara itu sempena genap 10 tahun Allahyarham P. Ramlee kembali ke rahmatullah, berbagai pihak mengadakan rancangan-rancangan khas bagi mengenang Allahyar-

JM 17 JUN 1983

ham. RTM menayangkan dua rancangan khas baru-baru ini iaitu "Seniman Silam" dan "Sepanjang Riwayatku" sebagai mengenang kembali kegiatan dan jasa Allahyarham.

Beberapa buah syarikat pengeluar piring hitam pula melancarkan album-album khas lagu-lagu ciptaan Allahyarham, dengan dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi terkenal hari ini.

Sambutan hangat orang ramai terhadap album-album itu membayangkan bahawa Allahyarham P. Ramlee masih terus diingat, bukan saja oleh generasi tua bahkan anak-anak muda, yang setengahnya masih belum lahir semasa zaman gemilang Allahyarham dalam tahun-tahun 50 dan 60an dahulu.